

Wartawan

Jerman  
Barat  
B. Harian (M)

tertawan  
-8 DEC 1987

KEHADIRAN wartawan majalah sukan Jerman Barat sepanjang Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara, membayangkan liputan menyeluruh mengenai perkembangan silat di negara itu.

Wartawan wanita, *Sports International* dari Jerman Barat, Hiltrud Cordes, berkata beliau akan membuat laporan menyeluruh mengenai kejuaraan ini apabila pulang ke negaranya.

"Pencak silat dan silat olahraga mula dikenali di Jerman Barat sejak Kejuaraan Silat Sedunia di Vienna, Austria, tahun lalu.

"Keupayaan beberapa peserta dari Eropah memenangi beberapa acara menjadikan mereka bertambah minat untuk mempelajari pencak silat dan mengambil bahagian dalam kejuaraan ini," jelas Hiltrud.

Menurutnya, Jerman Barat mempunyai ramai pesilat, tetapi kira-kira 300 pesilat daripada tiga perguruan sahaja yang berdaftar.

Hiltrud yang turut menjadi wartawan sambilan kepada beberapa majalah sukan mempertahankan diri, berkata silat diminati di Jerman Barat kerana gerakannya yang lembut tetapi berkesan.

## Silap taktik tetapi Heike tidak kecewa

8 DEC 1987  
B. Harian (M)

KEGAGALAN Heike Dietrich dari Jerman Barat, menyandang gelaran pesilat terbaik dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara, semalam tidak mengecewakannya kerana dia memberi persembahan terbaik.

Pesilat wanita tunggal Jerman Barat itu adalah juara bagi pertandingan silat seni dalam kejuaraan tahun lalu, di Vienna.

"Saya memang berharap untuk memenangi gelaran pesilat terbaik, tetapi mungkin bukan tahun ini," katanya.

Heike yang tewas 0-5 kepada peserta Indonesia, Ni Made Wahyuni, berkata dia menukar taktik dalam perlawanan akhir itu.

"Jurulatih menyuruh saya menukar taktik perlawanan, iaitu membiarkan lawan menyerang lebih dulu. Taktik itu ternyata tidak sesuai kerana ia memberi kesempatan kepada lawan untuk menyerang bertubi-tubi.

"Biarpun begitu, saya tetap senang dengan memenangi pingat perak di kejuaraan kali ini dan berharap dapat menebus kekecewaan itu dalam kejuaraan akan datang," katanya.

Jerman Barat mengemukakan 14 pesilat, tetapi dua saja termasuk Heike, layak ke perlawanan akhir. Rakannya, Andre Mewis juga gagal mendapat pingat emas.